

28hb.Jun,1977.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 12 TAHUN 1977

Peraturan Tawaran Jawatan, Tempoh Percubaan Dan Perletakan ke dalam Perjawatan Berpencen, Berikutan Dengan Perlaksanaan Tanggagaji Bersih Baharu di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet (Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977 Dan Bil. 4 Tahun 1977)

Tawaran Jawatan

Berikutan dengan perlaksanaan tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang baru ini, semua tawaran jawatan kepada calon-calon untuk jawatan-jawatan Kerajaan yang dibuat pada atau selepas 1hb. Julai, 1977 hendaklah sepatutnya mengikut tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan baru sebagaimana yang terdapat dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/77](#) dan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/77](#). Walau bagaimanapun sebelum tarikh kuatkuasa opsyen ini iaitu pada 1hb. Julai, 1977, telah ada tawaran jawatan yang dibuat mengikut tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang lama. Dalam keadaan ini Jabatan ini telah memutuskan bahawa:-

- (i) Jika sekiranya tawaran yang dibuat itu diterima dan pegawai tersebut melaporkan diri pada atau sebelum 30hb. Jun, 1977, maka dia akan dilantik di atas tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang ada sekarang dan kemudian ditawarkan membuat pilihan untuk berpindah kepada tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang baru mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/77](#) dan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/77](#) dan lain-lain syarat perkhidmatan yang berkuatkuasa pada dan selepas 1.7.1977.
- (ii) Jika sekiranya pegawai tersebut melaporkan diri untuk berkhidmat pada atau selepas 1hb. Julai, 1977, maka syarat-syarat dalam surat tawaran itu akan dipinda untuk disesuaikan dengan tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang baru dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/77](#) dan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/77](#) dan lain-lain syarat perkhidmatan yang berkuatkuasa pada atau selepas 1.7.1977. Dalam hal ini bermakna satu lagi tawaran akan dibuat berdasarkan kepada tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang baru itu.

Tempoh Percubaan

2. Mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/77](#) dan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/77](#) semua lantikan ke mana-mana Kumpulan Gaji dalam perkhidmatan awam selepas berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan tersebut hendaklah mensyaratkan tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun. Ini bermakna seseorang pegawai itu boleh disahkan dalam jawatan selepas satu tahun iaitu apabila dia telah lulus peperiksaan yang disyaratkan dan juga telah memenuhi lain-lain syarat percubaan. Peraturan ini adalah peraturan yang baru. Mengikut syarat-syarat

perkhidmatan yang berkuatkuasa sebelumnya tempoh percubaan biasanya adalah 3 tahun melainkan tempoh yang berlainan dinyatakan di dalam skim perkhidmatan. Mungkin timbul persoalan mengenai kedudukan pegawai-pegawai yang telah ditawarkan jawatan yang mensyaratkan tempoh percubaan selama 3 tahun, telah memilih tanggungaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang baru dan telah lulus semua peperiksaan percubaan dan telah berkhidmat lebih dari satu tahun pada 1hb. Julai, 1977. Dalam keadaan ini adalah diputuskan bahawa pegawai itu layak disahkan dalam jawatan pada tarikh yang tidak lebih awal dari 1hb. Julai, 1977 iaitu tarikh kuatkuasa opsyen dengan syarat mereka telah diperakukan supaya disahkan dalam jawatan oleh Ketua Jabatan pada tarikh tersebut. Contoh-contoh di bawah ini akan dapat menjelaskan lagi perkara tersebut:-

CONTOH (i)

"A' ialah seorang Pegawai Kerani Am yang dilantik pada 1hb. Mei, 1975 dengan tempoh percubaan selama 3 tahun. Beliau telah memilih tanggungaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang baru dan pada tarikh opsyen itu beliau telahpun lulus semua peperiksaan percubaan. Atas perakuan Ketua Jabatannya, 'A' boleh disahkan dalam jawatan pada 1hb. Julai, 1977 iaitu tarikh kuatkuasa opsyen."

CONTOH (ii)

"B' ialah seorang Pegawai Kerja yang dilantik pada 1hb. Oktober, 1976 dengan tempoh percubaan selama 3 tahun. Beliau telah memilih tanggungaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang baru. Pada tarikh kuatkuasa opsyen iaitu pada 1hb. Julai, 1977 beliau telahpun lulus semua peperiksaan percubaan yang disyaratkan. Atas perakuan Ketua jabatannya 'B' bolehlah dipertimbangkan untuk disahkan dalam jawatannya pada 1hb. Oktober, 1977, iaitu setelah berkhidmat genap satu tahun."

Perletakan ke dalam Perjawatan Berpencen

3. Pegawai-pegawai tetap yang telah disahkan dalam jawatan akan ditimbang untuk diletakkan ke dalam perjawatan berpencen setelah berkhidmat tidak kurang dari 10 tahun dalam perkhidmatan lepas yang diambil kira. Peraturan ini juga adalah peraturan yang baru mengikut [Pekeliling-Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977](#) dan [Bil. 4 Tahun 1977](#). Peraturan sebelumnya mensyaratkan bahawa seseorang itu layak dimasukkan dalam perjawatan berpencen setelah berkhidmat selama 3 tahun dalam perjawatan berpencen, telah disahkan dalam jawatan dan mendapat sokongan Ketua Jabatan. Berikutan dengan peraturan yang baru ini, terdapat pegawai-pegawai yang telah memilih tanggungaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang baru mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977](#) dan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1977](#) yang telah layak dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen berdasarkan kepada peraturan sekarang pada tarikh kuatkuasa opsyen iaitu 1hb. Julai, 1977 tetapi oleh sebab kelewatan pentadbiran, maka, tindakan telah tidak atau lewat diambil untuk memasukkan mereka ke dalam perjawatan berpencen. Dalam hal ini, adalah diputuskan pegawai-pegawai tersebut akan layak di-masukkan ke dalam perjawatan berpencen mengikut peraturan-peraturan sekarang mulai dari tarikh yang sesuai yang ditetapkan oleh Suruhanjaya

Perkhidmatan yang berkenaan dengan syarat mendapat sokongan dari Ketua Jabatan.

CONTOH (i)

'C' telah dilantik sebagai Pegawai P.T.A. pada 1hb. Mac, 1974 dengan tempoh percubaan selama 3 tahun. Mengikut [Perintah Am Bab 'A' 38](#) yang berkuatkuasa pada masa itu beliau hanya layak ditempatkan dalam perjawatan berpencen setelah berkhidmat selama 3 tahun dan telah disahkan dalam jawatan. Beliau telah memilih tanggagaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang baru. Atas sebab-sebab kelewatan pentadbiran, tindakan telah tidak diambil untuk mengesahkan 'C' dalam jawatan pada tarikh 1hb. Mac, 1977 walaupun pada tarikh itu beliau telah layak untuk disahkan dalam jawatan. Dengan ini juga tindakan telah tidak diambil untuk meletakkannya ke dalam perjawatan berpencen. Dalam keadaan ini tindakan bolehlah diambil untuk mengesahkan 'C' dalam jawatan pada tarikh 1hb. Mac, 1977 dan memasukkannya dalam jawatan berpencen pada satu tarikh yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dengan syarat mendapat sokongan dari Ketua Jabatan, tanpa memenuhi syarat 10 tahun perkhidmatan sebagaimana yang disyaratkan mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/1977](#) dan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/1977](#).

4. Bagi pegawai-pegawai yang belum layak dimasukkan ke dalam perjawatan berpencen pada tarikh kuatkuasa opsyen iaitu pada 1hb. Julai, 1977 mengikut syarat-syarat perkhidmatan sekarang, mereka adalah tertakuk kepada syarat kemasukan ke perjawatan berpencen yang baru mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977](#) dan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1977](#).

5. Ketua-Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya meneliti rekod perkhidmatan tiap-tiap orang pegawai yang berkhidmat di bawahnya dan seterusnya mengambil tindakan sebagaimana yang dijelaskan di atas. Jika ada sebarang keraguan, silalah berhubung dengan Jabatan ini untuk penjelasan.

Saya yang menurut perintah,

(MOHD SALLEH BIN YAHYA)
Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam,
Malaysia.

Kepada:

Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/Negeri.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.